




15 FEB, 2025

Pekerja gempar stesen meletup

Kosmo, Malaysia





BEGINILAH keadaan di lokasi kejadian selepas berlaku letupan di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar di Port Dickson kelmarin.

Pekerja gempar stesen meletup

PORT DICKSON – Sekumpulan pekerja di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar di sini gempar apabila berlaku letupan di premis itu yang berpunca daripada kebocoran gas neutral kelmarin.

Bagaimanapun, kejadian pada pukul 9.09 malam itu tidak melibatkan kecederaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Pegawai Kanan Penguasa Bomba Kanan Mohd. Kamal Mohd. Timar berkata, kebocoran itu berpunca di unit 2A kawasan di kawasan saluran paip.

“Sepasukan 19 pegawai dan anggota daripada pelbagai unit dikejarkan ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan.

“Pemeriksaan mendapati kejadian melibatkan kebocoran gas pada unit kuasa 2A di kawasan aluran paip gas neutral,” katanya.

Sementara itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu kenyataan memberitahu, kebakaran berjaya dikawal dan tiada kecederaan melibatkan warga kerjanya atau orang awam.

“Siasatan masih dijalankan. Langkah kawalan keselamatan telah diambil dan pasukan teknikal sedang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan serta pemulihan yang diperlukan,” katanya.

MOHD. KAMAL